



BAN yang pecah menyebabkan limpahan air pasang besar memasuki kawasan Kampung Tok Muda, Kapar, Selangor pada pukul 7 pagi semalam.

Fenomena air pasang besar dijangka lebih kerap - Pakar

KUALA LUMPUR 20 Sept. - Pihak berkuasa dan penduduk yang tinggal di sepanjang pantai seluruh negara diminta berwaspada dengan fenomena air pasang besar yang melanda beberapa negeri pantai barat Semenanjung sejak kelmarin berikutan fenomena berkenaan dijangka berlaku dengan lebih kerap pada masa hadapan.

Pensyarah Institut Oseanografi dan Sekitaran Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof. Madya Dr. Mohd. Fadzil Mohd. Akhir berkata, fenomena air pasang besar berkait rapat dengan kesan tarikan graviti bulan dengan bumi iaitu ketika bulan berada selari dengan bumi pada kedudukan orbit atau dalam bahasa mudah, ketika bulan mengambang penuh.

Katanya, fenomena tersebut disifatkan sebagai perkara biasa yang berlaku setiap bulan, namun dengan keadaan cuaca angin kencang dan hujan lebat yang kebetulan berlaku serentak, perkara berkenaan boleh mengakibatkan banjir sebagaimana yang berlaku ketika ini.

“Mengikut kajian, sejak 10 tahun kebelakangan ini ditambah dengan peningkatan paras air global dan perubahan iklim dunia yang tidak menentu, fenomena air pasang besar sehingga menyebabkan banjir dijangka berlaku dengan lebih kerap dan membimbangkan.

“Oleh itu, penduduk yang tinggal di tepi pantai dan pihak berkuasa perlu sentiasa berwaspada serta bersedia menghadapi sebarang kemungkinan supaya tiada kejadian tidak diingini berlaku pada masa akan datang,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Fenomena air pasang besar dengan angin kencang melanda banyak kawasan di Selangor, Perak dan Kedah sehingga menyebabkan banjir sejak awal pagi Ahad dan Pelabuhan Klang di Selangor serta Pantai Kelanang di Banting merekodkan ombak setinggi 5.6 meter pagi semalam.

Tambah Mohd. Fadzil, pihak bertanggungjawab seharusnya bersedia dengan segala kemungkinan termasuk menambah baik

sistem pengawasan air pasang surut dan memberi amaran awal kepada penduduk yang terdedah kepada fenomena tersebut.

“Dengan keadaan iklim dunia ketika ini, kejadian begini memang tidak dapat dielakkan, namun pihak berkuasa perlu bersiap sedia kerana fenomena berkenaan boleh diramal dari awal, bukan seperti bencana tsunami,” katanya.

Sementara itu, Naib Presiden Jawatankuasa Sainifik Penyelidikan Antartika (SCAR), Prof. Datuk Dr. Azizan Abu Samah berkata, penduduk yang berada di sekitar pantai barat Semenanjung tidak perlu risau kerana fenomena air pasang besar yang melanda ketika ini dijangka berakhir esok.

“Fenomena ini tidak akan berlarutan sehingga boleh menyebabkan banjir besar seperti yang melanda Kelantan pada 2014.

“Mengikut ramalan, fenomena berkenaan dijangka berakhir esok dengan ombak di Pelabuhan Klang akan kembali normal iaitu kira-kira empat meter,” katanya.